

PM imamkan solat jenazah

Pontian: Jenazah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, selamat dikebumikan pada jam 12.05 tengah hari di Tanah Perkuburan Jalan Sulong, Serkat, di sini, semalam.

Terdahulu, jenazah Ahli Parlimen Pulai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Jeram itu disembahyangkan lima kali di Masjid Jamek Dato' Haji Noh Gadot, Serkat.

Antara yang mengimamkan solat jenazah ialah anak sulung Allahyarham, Iskandar Zulkarnain Salahuddin, 37, dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kira-kira jam 11 pagi.

Antara yang hadir memberi penghormatan terakhir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Pertanian dan Kerterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir serta Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi; Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Tan Sri Dr Azmi Rohani; barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta wakil rakyat Johor.



Anwar mengimamkan solat jenazah Salahuddin di Masjid Jamek Dato' Haji Noh Gadot, Serkat, semalam.

(Foto BERNAMA)